

THE AMMAN MESSAGE

**RINGKASAN RISALAH AMMAN/AMMAN MESSAGE
(IJMAK 500 ORANG ULAMAK MUKTABAR)**

Risalah Amman dikeluarkan pada bulan Ramadhan 1425H/November 2004 di Amman, Jordan oleh Raja Abdullah II dari Jordan bersama-sama Para Ulama Besar Islam. Perundangan Islam Antarabangsa yang terdiri daripada 200 orang Ulama Terkemuka dari 50 Negara ini menyepakati tentang Tiga (3) Perkara Asas yang amat penting:-

- 1) Mereka secara khususnya telah mengiktiraf SAHNYA kesemua LAPAN (8) MAZHAB yang terdiri dari AHLUL SUNNAH (Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali), SYIAH (Jaafari dan Zaydi), IBADHI dan THAHIRI yang sebenar dan telah menyepakati definisi yang tepat tentang siapakah orang yang bergelar Muslim.
- 2) Berdasarkan definisi ini, mereka melarang perbuatan TAKFIR (mengkafirkan orang lain, sesat-menyesatkan) di antara sesama umat Islam.
- 3) Berdasarkan MAZHAB-MAZHAB tersebut, mereka telah menetapkan prasyarat yang subjektif dan objektif dalam mengeluarkan FATWA, lalu mendedahkan fatwa-fatwa palsu yang telah dikeluarkan oleh mereka yang jahil dan tidak berhak di atas nama Islam.

KE-TIGA_TIGA perkara ini telah dipersetujui sebulat suara oleh:-

- i) Penumpun politik Negara Islam di perjumpaan OIC di MEKAH pada tahun 2005
- ii) ENAM (6) Pertubuhan Ilmiah Islam Antarabangsa
- iii) Akademi Fekah Islam Antarabangsa
- iv) 500 Ulama Terkemuka diseluruh dunia.

**NASHAH IMAN DARI SAJLIS AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH MALAYSIA,
MUNINGKANLAH!
SUMBER HUKUM TERTINGGI KITA AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH IALAH AL-QURAN,
HADITH, IJMAK, QIAS.**

DENGAN IJMAK 500 ORANG PARA ULAMAK MUKTABAR YANG DITAJA OLEH OIC (MEKAH) YANG WAJIB KITA PATUHI, MAJLIS SUNNAH WAL JAMA'AH MALAYSIA YANG CINTAKAN PERPADUAN, KEADILAN, KEBENARAN & KEMAJUAN MENYERU JANGAN ADA PIHAK-PIHAK YANG JAHIL (IAITU YANG MENENTANG IJMAK 500 ORANG ULAMAK MUKTABAR) & TIDAK BERHAQ ATAS NAMA ISLAM, MEMBUAT, MEWARTAKAN & MEMPERTAHANKAN FATWA PALSU YANG MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN ISLAM DENGAN MENYALAHGUNAKAN WANG NEGARA/WANG RAKYAT/WANG ZAKAT/MENYALAH GUNAKAN KUASA / PANGKAT / JAWATAN / KEDUDUKAN / UNDANG-UNDANG/SECARA PAKSAAN/MENGAMALKAN HANSAH DENGAN MENAJA PROGRAM-PROGRAM PERPECAHAN/MENGUNAKAN MIMBAR-MIMBAR MASJID/KHUTBAH-KHUTBAH/MEDIA CETAK/MEDIA ELEKTRONIK / BLOG-BLOG / FACEBOOK/TWITTER/DALAM APA CARA SEKALIPUN UNTUK MENG-BASUT & MENFITNAH, MENAKUT-NAKUTKAN SERTA MENGUGUT UNTUK MELA-HIRKAN PERPECAHAN/KEBENCYAN SESAYU ISLAM YANG AKHIRNYA AKAN MENG-GUGAT KESTABILAN NEGARA DAN HANYA MENGUNTUNGGAN MUSUH ISLAM BAGI TUJUAN MENUTUP KEGAGALAN KITA SENDIRI MELAKSANAKAN AMANAH (PECAH AMANAH / KHIANAT/MUNGKIR JANJI / KRONISME) UNTUK MEMAJUKAN, MEMAK-MURKAN RAKYAT (MELAYU ISLAM) DARI SUDUT EKONOMI, PENDIDIKAN, POLI-TIK, SOSIAL & SEBAGAINYA DENGAN MEMBESARKAN ISU MAZHAB, HENTIKAN-LAH PERBUATAN MUSYRIK INI, MUHASABAH DIRILAH! CERMINLAH DIRI KITA STAPA KITA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN IJMAK 500 ORANG ULAMAK MUKTABAR OIC SELURUH DUNIA ITU. SEDARLAH, TIDAK KIRA SIAPAPUN KITA, TIDAK KIRA ATAS ALASAN APAPUN KITA MENENTANG/MENOLAK/TIDAK MENEMERIMA PAKAI IJMAK INI UNTUK MENGANTIKAN FATWA-FATWA JAHIL/ PALSU YANG SEDIA ADA DENGAN SENDIRI KITA BERLAGAK MENJADI TUHAN, MENYERUKUTKAN ALLAH DENGAN DIRI KITA SENDIRI/KUMPULAN KITA/MUSYRIK-INGKAR KEPADA ISLAM SETERUSNYA MENJADI AGEN / BARUA SYAITAN ZIONIS-ISRAEL-AMERIKA PENG-GANAS ANTARABANGSA LAKNATULLAH MUSUH UTAMA ISLAM DAN MUSUH UTAMA SETIAP ORANG ISLAM. INGATLAH!! INSAFLAH!! BERTAUBATLAH!!

Layari: www.ammanmessage.com / www.oneahluhbait.com



DIEDARKAN SECARA PERCUMA

BULAN PERPADUAN ISLAM & PEMBEBASAN AL-QUDS (AL-AQSA) SEDUNIA


Pada Bulan Ini Kami Umat Islam Se-Malaysia & Sedunia Berazam Bersungguh-Sungguh Untuk Mengeratkan Kesatuan, Perpaduan, Persaudaraan, Kasih-Sayang, Saling Menghormati, Mengenali, Memahami, Bertolak-Ansur Sesama Muslimin & Juga Berazam Menghindarkan Sebarang Fitnah-Menfitnah, Sesat-Menyesatkan, Perpecahan & Sebarang Penjajahan Yang Dipkasa Oleh Laknatullah Syaitan Zionis-Israel-Amerika, Musuh Islam Dan Konco-Konconya (Sesiapa Sahaja Yang Menentang/Tidak Menyokong/Tidak Mengguna Pakai Ijmak Amman Message/Takfir-Golongan Yang Suka Kafir-Mengkafir, Sesat-Menyesatkan, Pembohongan, Fitnah, Pemecah-Belah, Pengadu-Domba Perpaduan Masyarakat Atas Nama Agama Kononnya, Nawasib & Kha-warij). Ya Allah, Bebaskan Al-Quds (Al-Aqsa) Kami, Bebaskan Kami Seka-lian Kaum Muslimin Dan Malaysia Yang Tercinta Dari Sebarang Keburukan & Kejahatan! Kurniakan Kami Sekalian Kejayaan & Kebalkan Dunia & Akhirati! Amin!! Ya Rabbal Alamin~Selawat!!



Anjuran Bersama :

Gerakan Rakyat Malaysia Untuk Pembebasan Al-Quds Dan Perpaduan Sesama Islam, Majlis Pembebasan Al-Quds Malaysia, Majlis Perpaduan & Persaudaraan Islam Malaysia, Majlis Pendekatan Mazhab-Mazhab-Islam Malaysia, Majlis Pemikir, Gandiklawan, Intelek & Ulama' Malaysia, Majlis Ahlu-Bayt Malaysia, MAJLIS AHLUL SUNNAH WAL JAMA'AH MALAYSIA, Majlis Salafi Malaysia, Persatuan Insaaf Malaysia, Majlis Keadilan Sosial & Kemakmuran Bernegara, Majlis Penerbitan, Persekitakan, Penjagaan Bahan Media, Elektronik Cetak dan Sebagainya, Majlis Hak Asasi Manusia Malaysia, Ikatan Karyawan Malaysia, Majlis Hak Asasi Minoriti Manusia Malaysia, Jawatankuasa Kemajuan Islam Malaysia & 1 Islam Malaysia, Majlis Merealisasikan Ijmak Amman Message Malaysia.

BACALAH!! DENGAN MENGGISI BORANG PERADUAN ANDA BERPELUANG MEMENANGI CABUTAN HADIAH BERTUAH. LIHAT M/S 31 & 32. SEMOGA ALLAH MERAHMATI ANDA


 • Sumber hukum tertinggi kita (Ahli Sunnah Wal Jamaah) ialah Quran, Hadith, Ijmak, Qias
 • Menolak ijmak berarti mengingkari agama (rujuk teks khutbah Jamaat Jabatan Agama Islam Melaka bertarikh 21/09/12 - "Sesat Lagi Kafir?")
 • Amman message - ijmak 500 orang ulama mukhtar dari seluruh dunia yang wajib kita patuhi. Sebarang alasan menolaknya / menentang / tidak mengguna pakai ijmak tersebut tidak boleh diterima sama sekali. Malahan tanya adalah haram dan berdosa besar.

Sejarah Pembinaan Masjid Al-Aqsa



Masjid Kedua Yang Dibina Di Mukabumi

Masjid al-Aqsa merupakan sebahagian dari negara Palestin. Ia merupakan masjid yang kedua dibina di muka bumi ini.

Daripada Abu Dzar al-Ghaffari berkata, aku bertanya kepada Rasulullah Saw: Masjid apa yang pertama dibangunkan di mukabumi ini? Rasul menjawab: "Masjidil Haram" Kemudian apa? Lalu "Masjidil Aqsa". Abu Dzar bertanya lagi: Berapa tahun jarak pembinaan antara keduanya? Nabi menjawab: "40 tahun. Dan bumi ini bagimu tempat sujud. Di mana saja kamu mahu mendirikan solat, maka solatlah" [HR Bukhari, Muslim & Nasaie]

Kronologi Al-Quds (Masjid al-Aqsa/Baitul Maqdis)



Masjid al-Aqsa (Kini)



Masjid al-Aqsa (1900)

Baitul Maqdis, Palestin merupakan bumi para Anbiya'. Bumi ini telah menjadi saksi ketekunan dan keteguhan para Rasul dalam mendidik manusia mengenal hakikat Tauhid dan ajaran Islam. Bermula dengan penguasaan zuriat Nabi Ishaq yakni Bani Israel, kemudiannya Raja Nebuchadnezzar dari Babylon, disusuli pemerintahan Empayar Rom dan Byzantium, bumi Anbiya' ini telah menjadi rebutan pelbagai kuasa besar zaman terdahulu.

Pada tahun 638 masihi, kekejaman dan ketidak-adilan pemerintahan asing di bumi Baitul Maqdis ini telah ditamatkan oleh umat Islam. Pembebasan Baitul Maqdis ini membuka satu era baru dalam lipatan sejarah Islam. Setelah sekian lama, kiblat pertama umat Islam ini dikotori dengan pelbagai pengamalan syirik dan kecurangan kepada Allah, kini ia milik umat Islam semula dalam mengemilangannya sebagai kota ketiga paling suci di dalam Islam.

Namun demikian, suasana kegemilangan Islam di Baitul Maqdis berakhir pada kurun ke-11 apabila Pope Urban II mengisytiharkan Perang Salib yang pertama. Tindakan ini adalah sebagai reaksi terhadap polisi menghalang penziarah-penziarah Kristian memasuki Baitul Maqdis oleh pemerintah Islam Saljuk pada masa itu. Rombongan Kristian Eropah ini bermusafir selama 3 tahun menuju Kota Suci Baitul Maqdis dan akhirnya mereka tiba di pintu gerbang kota suci ini pada tanggal 7 Jun 1099. Setelah 5 minggu mengepung Baitul Maqdis, tentera Salib akhirnya berjaya menawan Baitul Maqdis dan tanpa belas kasihan membunuh seramai 40,000 lelaki, wanita dan kanak-kanak kota suci ini.

Pemerintahan tentera Salib tidak membawa kedamaian kepada penduduk kota suci ini. Kekejaman dan ketidakadilan menjadi lumrah di Baitul Maqdis sepanjang pemerintahan mereka baik kepada umat Islam mahupun penduduk bukan Islam. Setelah 88 tahun dijajah tentera Salib, pada tahun 1187 Masihi, tentera Islam telah berjaya menakluk semula kota suci Islam ini. Pembukaan kedua kota Baitul Maqdis ini tidak dicemari oleh sebarang pembunuhan rakyat biasa dan pilihan diberikan kepada penduduk kota ini, khususnya yang bukan Islam, samada ingin berhijrah ataupun terus menetap di Baitul Maqdis di bawah pemerintahan Islam dengan jaminan pemeliharaan nyawa, harta dan tempat ibadat mereka.

Pada tahun 1948, dengan bantuan kuasa-kuasa Barat, umat Yahudi telah berjaya menubuhkan negara haram Israel dan sejak itu bumi Anbiya' ini tidak pernah kenal erti keamanan. Pada tahun 1967, tentera Yahudi laknatullah telah berjaya menceroahi Baitul Maqdis Timur dan telah meratakan Maghribi Quarter. 2 masjid dan 135 rumah rakyat Palestin telah diruntuhkan meninggalkan

650 orang rakyat Palestin tanpa rumah kediaman. Namun, Baitul Maqdis berjaya ditawan semula oleh umat Islam hasil perjuangan penuh komitmen umat Islam Palestin yang mempertahankannya. Dalam serangan ini, Gaza dan Tebing Barat juga berjaya ditawan oleh tentera Yahudi.

Dengan penguasaan Baitul Maqdis Timur ini cita-cita Yahudi untuk membina semula Haikal Yahudi Kedua (The Second Temple) semakin menjadi kenyataan kononnya, hasil doa tak putus-putus seluruh umat Yahudi, 'Semoga Haikal Kedua dibina ketika zaman kami,' selama hampir 1,900 tahun. Obsesi sesetengah umat Yahudi Ortodoks dengan cita-cita ini menyebabkan mereka dengan bongkok mula mengadakan upacara sembahyang Yahudi di dalam kawasan Haram Asy-Syarif (al-Quds/Masjid al-Aqsa), walaupun ditegah oleh Ketua Majlis Rabbi Yahudi sendiri. Atas premis tidak mahu mengundang masalah lebih buruk dengan umat Islam yang amat marah dengan tindakan provokatif ini, Peguam Negara Israel pada masa tersebut telah mengharamkan perbuatan itu pada tahun 1969.



Pembakaran Masjid al-Aqsa 21-8-1969

Hanya empat bulan selepas itu, seluruh kawasan selatan Masjid Al-Aqsa pula mengalami kebakaran yang serius. Kebakaran itu dimulakan oleh seorang pelawat Yahudi Australia dan kejadian ini turut memusnahkan mihrab yang telah dibina lebih 700 tahun yang lalu. Suatu ironi yang perlu menjadi renungan umat Islam sedunia.

Pada tahun 1981 pula, keangkuhan rejim Yahudi semakin menjadi-jadi apabila helikopter rejim itu telah sengaja diterbangkan pada altitud rendah sekitar kawasan Haram Asy-Syarif (al-Quds/Masjid al-Aqsa) untuk menghalang dan mengganggu umat Islam beribadat di situ. Kemudian, umat Islam dikejutkan pula dengan pendedahan Kementerian Hal-Ehwal Agama Palestin tentang wujudnya terowong rahsia yang dibina oleh kaum Yahudi. Terowong ini dikatakan adalah penggalian arkeologi pengkaji-pengkaji Yahudi yang cuba membuktikan secara saintifik sememangnya Masjid Al-Aqsa dibina di atas tapak Haikal Yahudi Kedua mereka itu. Penggalian haram ini mendapat kritikan ramai kerana tindakan tersebut dibimbangi boleh merosakkan struktur Masjid Al-Aqsa. Walaupun resolusi PBB dikeluarkan منعgcam tindakan rejim Yahudi ini, penggalian tetap diteruskan tanpa sekatan.

Pada Januari 1983, pengawal keselamatan di Haram Asy-Syarif (al-Quds/ Masjid al-Aqsa) telah menemui bahan peledak di pintu masuk Haram Asy-Syarif (al-Quds/ Masjid al-Aqsa). Pada bulan yang sama, sekumpulan ekstrimis Yahudi bersenjatakan Uzi dan M16 sambil membawa bahan peledak telah ditahan ketika cuba memasuki kawasan Haram Asy-Syarif. Pada tahun 1984 pula, rejim Israel telah mengarahkan tenteranya untuk mengawal di kawasan Haram Asy-Syarif (al-Quds/ Masjid al-Aqsa) kononnya untuk menghalang sebarang 'acts of terrorism' di tempat suci itu. Majlis Tertinggi Islam Palestin telah menghantar petisyen kepada Perdana Menteri Israel untuk menghentikan tindakan itu yang menghina kesucian Haram Asy-Syarif (al-Quds/ Masjid al-Aqsa) dan seperti mana yang dijangka, keangkuhan rejim Yahudi itu mengatasi segalanya. Petisyen tersebut ditolak mentah-mentah.

Pada tahun 2000 pula, Perdana Menteri Ariel Sharon dengan bongkok memasuki kawasan Haram asy-Syarif (al-Quds/ Masjid al-Aqsa). Tindakan Perdana Menteri Israel yang mempunyai rekod buruk membunuh beramai-ramai wanita dan kanak-kanak Palestin di Shabra dan Shatilla telah membakar api kemarahan umat Islam dan seterusnya Intifadhah Kedua dilancarkan, namun tanpa kemenangan abadi buat Islam di bumi Palestin.



Al-Quds / Al-Aqsa Perjuangan Mutlak Umat Islam

Sekiranya ditelusuri dengan mendalam pergolakan di Palestin dan Baitul-Muqaddis ini sejak zaman kekuasaan nabi-nabi terdahulu, terlalu banyak pengajaran yang boleh dijadikan panduan buat Islam seluruhnya. Kita dapat melihat setiap kali Islam yang menguasai bumi anbiya' ini dipimpin oleh mereka yang teguh keimanannya kepada Allah, keamanan dan kedamaian pasti dikecapi oleh semua dan apabila kota suci ini dikuasai oleh pencurang-pencurang agama, ketidakadilan dan kekejaman bermaharajalela. Umat Islam harus bangkit mempertahankan kesucian al-Aqsa dan maruah saudara-saudara seagama mereka dalam apa jua cara yang terdaya. Jangan dibiarkan maruah Islam dihina dan direndahkan!

Apa yang terjadi di al-Quds (Baitul Maqdis) ini merupakan penodaan terhadap Masjid al-Aqsa sebagai kiblat pertama bagi kaum muslimin dan merupakan tindakan provokasi terhadap simbol agama Islam. Amerika mahupun yang lainnya sama sekali tidak berhak mengambil sebahagian wilayah kaum muslimin untuk diberikannya kepada para penjajah Israel.

Palestin adalah tanah para Nabi, Ibrahim, Daud, Sulaiman, Musa, Zakaria, Yahya dan Isa. Tanah Palestin yang di tengah-tengahnya ada Masjid al-Aqsa merupakan waqaf bagi semua generasi kaum muslimin. Allah telah mewariskan tanah ini dan segala apa yang ada di atasnya. Keadaannya tidak boleh dirubah sama sekali oleh kongres Amerika atau keputusan pemerintah Zionis ataupun oleh pemerintah penjajah Israel. Sesuatu yang pasti tanah itu adalah tanah yang diberkati, tanah Palestin.

Tanpa terkecuali walaupun sehari, rakyat Palestin diberikan tekanan demi tekanan oleh regim Zionis Israel. Tekanan yang diberikan hanya untuk menghapuskan etnik Palestin. Hasrat mereka adalah untuk merampas secara total bumi Palestin dari umat Islam. Rakyat Palestin dibunuh dengan kejam dan tidak berperikemanusiaan. Mangsa keganasan regim tidak membezakan siapa yang mahu mereka bunuh, sehinggakan anak-anak kecil sanggup mereka bantai dan sembelih. Bahkan, rumah-rumah mereka dimusnahkan dan tanah-tanah mereka dirampas dengan sewenangnyanya dengan menutup sempadan demi sempadan.

Pada 15 hb Mei 1948, tentera Zionis Israel telah melancarkan pembersihan etnik (ethnic cleansing) iaitu sejumlah 750,000 orang atau tiga perempat populasi daripada rakyat Palestin dihalau keluar dari kediaman mereka.

Mereka telah dipaksa menjadi pelarian dalam negara Palestin sendiri dan termasuk di negara-negara jiran yang kini telah mencecah lebih 4.5 juta orang. Kini sudah 6 dekad pelarian Palestin hidup dalam kemiskinan dan penafian keperluan asasi yang sangat parah.

Mereka terpaksa hidup tanpa makanan yang mencukupi, tanpa tempat tinggal, tiada pekerjaan, pendidikan dan kemudahan rawatan. Nasib mereka hingga kini tidak dipedulikan oleh masyarakat antarabangsa yang didominasi oleh Amerika Syarikat.

Kini Israel masih meneruskan polisi pembersihan etnik ke atas rakyat Palestin. Sejak pencerobohan ke atas Tebing Barat dan Jerusalem Timur pada tahun 1967, Israel telah membangunkan kependudukan Yahudi yang melanggar undang-undang antarabangsa dan resolusi-resolusi PBB.

Kini populasi kependudukan Yahudi mencecah 400,000 orang yang mengakibatkan penyelesaian 2 negara yang kononnya diusahakan oleh Presiden Bush menjadi tidak relevan.

Dari saat itulah Israel menjadi sebuah kuasa proksi Amerika Syarikat. Dalam peperangan 1967 antara tentera Arab dan Israel, tentera Israel telah menguasai Baitul Maqdis yang telah mengakibatkan tanah Palestin dirampas dengan zalim dari rakyat Palestin. Ekoran itu proses "pengYahudian" bumi Palestin dilancarkan oleh Israel.

Sebagai hasil gerakan Zionis Yahudi ini, sekarang bumi Palestin telah diceroahi oleh 6 juta orang Yahudi sementara 5 juta rakyat Palestin sendiri menjadi pelarian di sekitar negara-negara di Timur Tengah. Sebanyak 80 kem pelarian kini menampung 1 juta pelarian Palestin di Jordan, Lebanon dan Syria.

Wahai Umat Islam!

Apakah semua ini tidak cukup untuk membangunkan sentimen dan sensitiviti dunia Arab dan umat Islam dari seluruh mazhab Islam (Sunni, Syiah & Salafi) agar bangkit dan sedar tentang pertempuran hakiki yang sedang berlangsung? Seterusnya mereka bersatu-padu di bawah bendera Islam!

Apakah belum tiba masanya bagi pemerintahan Arab dan Islam untuk mengambil sikap yang jelas dan memikul tanggungjawabnya menghadapi penghinaan terhadap tempat-tempat suci Islam, tempat Isra' nya Rasulullah Saw'?

Benar-benar menyedihkan bila kita melihat pada hari ini sebahagian besar umat Islam di Malaysia mengambil sikap berkecuali ketika soal Palestin diketengahkan. Umat Islam tidak lagi sensitif dan terusik ketika melihat apa yang berlaku kepada saudara muslim mereka di Palestin. Bahkan, sifat kemanusiaan mereka sudah hilang akibat sikap ego dan mengutamakan soal yang tidak penting.

Umat Islam dari seluruh mazhab Islam Sunni, Syiah dan Salafi sibuk dengan keegoan mazhab masing-masing. Bahkan, mereka saling sibuk kafir-mengkafir dan sesat menyesat antara satu sama lain. Bahkan lebih dari itu, ada beberapa pihak sedang berusaha ke arah penghapusan etnik salah sebuah mazhab Islam di Malaysia saling tak tumpah seperti sikap Zionis Israel yang mahu menghapuskan etnik muslim dan bangsa Palestin!

Tidak dinafikan bahawa agenda untuk memecah-belahkan umat Islam dengan isu-isu perselisihan (khilafiyah) merupakan topik utama kaum Kuffar. Malangnya, umat Islam terpedaya dengan logika yang diciptakan oleh kaum tersebut. Akibatnya, umat Islam saling berpecah-belah hanya kerana perbezaan mazhab dan isu-isu lapok yang telah lama diselesaikan oleh para ulama Islam yang diiktiraf oleh dunia.

Ingatlah bahawa Perpaduan dan Kesatuan adalah lebih penting dan paling utama, berbanding Keegoan dan Perpecahan yang hanya merupakan sikap kaum musyrikin. Malangnya ia sedang diamalkan oleh umat Islam sendiri! Firman Allah:

"...Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah, iaitu orang-orang yang memecah-belahkan agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka." [Ar-Rum: 31-32]

Umat Islam diseru - tidak kira apapun mazhab dan kedudukan mereka - agar menolak apa jua bentuk dakyah yang menjadi punca perpecahan dan permusuhan sesama mereka. Seharusnya umat Islam - Sunni, Syiah dan Salafi - sama-sama sedar bahawa penghinaan umat dan Islam di Palestin tiada lain hanya kerana disebabkan perpecahan dan permusuhan diantara mereka. Akibat perpecahan dan permusuhan, barisan umat Islam menjadi lemah, hinggakan musuh-musuh Islam berani melakukan kerosakan di bumi ini tanpa rasa takut dan gentar dengan sejarah kekuatan Islam dan umatnya. Segalanya hanya tinggal kenangan sahaja.

Inilah Kisah Sebenar Yang Disabdakan Rasul Saw:

"Akan terjadi bersatunya bangsa-bangsa di dunia menyerbu kamu seperti sekelompok orang menyerbu makanan" Salah seorang sahabat bertanya: "Apakah kerana jumlah kami di masa itu sedikit?". Rasul menjawab: "Jumlah kamu ramai seperti buih di lautan. Namun, Allah mencabut rasa takut dari dada musuh-musuh kamu dan Allah menanamkan penyakit Wahn dalam hati kamu" Lalu ada yang bertanya lagi: "Apakah penyakit Wahn itu?" Baginda bersabda: "Cinta kepada dunia dan takut mati!" [HR Abu Daud & Ahmad]

Wahai umat Islam Sunni, Syiah dan Salafi! Sedarlah bahawa Umat Muslim Adalah Umat Yang Satu. Firman Allah Swt:

"Sesungguhnya umat kamu ini adalah umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu, maka mengabdilah kepadaKu" [al-Anbiya : 92]

Kesatuan umat Islam digambarkan sebagai satu tubuh atau bangunan, yang mana apabila satu bahagian tubuh atau bangunan itu rosak atau cacat maka akan menyebabkan badan atau tubuh menjadi lemah dan bangunan pula rosak dan roboh. Sabda Rasulullah Saw:

"Perumpamaan orang-orang mukmin itu dalam cinta-mencintai, kasih-mengasihinya dalam santun-menyantunnya, tak ubahbagaikan satu tubuh, yang apabila menderita satu anggota dari tubuh itu, ikut menderita pula keseluruhan tubuh dengan tidak dapat tidur dan demam" [HR Muslim]

Sabda baginda lagi:

"Orang mukmin terhadap orang mukmin, tak ubahnya bagaikan satu bangunan yang bahagian-bahagiannya saling kuat menguatkan" [HR Muslim]

Inilah Kesatuan yang menjadi tunggak kekuatan Islam dan umatnya. Umat Islam - meski apapun pegangan mazhabnya - berusaha mengadaptasi dan menggunakan seluruh persamaan dan perbezaan antara mereka untuk menghadapi musuh-musuh Islam. Demi kemaslahatan Islam dan umatnya, mereka bersatu di bawah lembayung kasih sayang dan persaudaraan sesama muslim. Cubit peha kanan, peha kiri yang merasa sakitnya. Persaudaraan sesama Islam tanpa melihat kepada perbezaan akan mengakibatkan kesejahteraan Islam dan umatnya sendiri.

Semangat persaudaraan Islam telah disebutkan Allah Swt dengan firmanNya:

"Sesungguhnya tiada lain bahawa orang-orang mukmin itu saling bersaudara. Dari itu, perbaikilah hubungan diantara kamu dan bertaqwalah kamu kepada Allah, semoga kamu dirahmati" [al-Hujurat: 10]

Keimanan merupakan jalinan persaudaraan dan Kesatuan umat. Tanpa persaudaraan, tidak mungkin ada keimanan.

Firman Allah lagi:

"Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam seluruhnya, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan, sesungguhnya ia musuh yang nyata bagi kamu" [al-Baqarah: 208]

Umat Islam wajib mengambil langkah-langkah yang menjadikan Islam kuat dan digeruni. Kembali kepada Allah. Beriman bahawa Islam adalah perkara asas dalam menghadapi masalah Palestin. Hanya dengan Islam sahaja kita mampu menghadapi semua perkembangan terbaru ini.

Mendidik umat dan generasi penerusnya agar mempersiapkan secara ilmiah, pendidikan mereka dan ekonomi mereka, untuk menghadapi tentangan masa kini serta bahaya di sekeliling. Mendirikan sekolah-sekolah yang bebas dari pengaruh Amerika dengan segala bentuknya. Dengan demikian akan terciptalah para pemimpin yang jujur yang dan berakhlak Rabbani yang sangat diperlukan oleh umat sekarang ini, untuk mengembalikan kemuliannya.

Perpecahan & Saling Bermusuhan Antara Kita Adalah Penyebab Kelemahan & Keruntuhan Struktur Masyarakat Islam Melayu Yang Telah Terbina Sekian Abad Lamanya. Sedarlah & Tewaskanlah Kelompok Yang Menjadi Penyebab Kita Berpecah! Mereka Itulah Musuh Allah & Rasul. Mereka Itulah Musuh Masyarakat. Musuh Negara Kita! Tentangi Dakyah Mereka! Musnahkan Slogan Mereka! Halau Mereka Dari Bumi Malaysia Ini Jika Mereka Tidak Mahu Bertaubat & Berubah!

Dari Itu Bangkitlah! Bersatulah Demi Bangsa Kita, Agama Kita & Negara Kita. Perangi Kejahilan Kita, Perangi Kemiskinan Kita & Perangi Orang-Orang Yang Mahu Memecah-Belahkan Kesatuan, Perpaduan & Kasih Sayang Kita. Merekalah Penyebab Kita Menjadi Mundur! Merekalah Penyebab Kita Dijajah! Kita Disibukkan Dengan Soal Yang Tidak Mematangkan Minda & Jiwa Kita, Soal Perbezaan Tidak Perlu Menjadi Dasar Perselisihan Kita. Seharusnya Perbezaanlah Yang Menjadikan Kita Kuat & Berdaulat. Perbezaan Juga Memberi Garis Panduan & Penggerak Akal & Minda Kita Yang Terjajah Sekian Lama.

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (Al-Quran,Rasul sallallahualaihiwaalihiwassalam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah Kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan,lalu Allah menyatukan diantara hati kamu,maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.dan kamu dahulu telah berada ditepi jurang neraka itu.Demikianlah Allah menjelaskan Kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya. (Ali-Imran: 103)

“Minimumkan Perbezaan & Maksimumkan Persamaan”



Sekali Lagi, Kita Fokuskan Pada Ekonomi, Sosial & Pendidikan Anak-Anak Kita. Pastikan Nasib Kehidupan Mereka Lebih Baik Dari Sekarang. Pastikan Akhlak Mereka Terdidik Dengan Al-Quran & As-Sunnah. Pastikan Pendidikan Mereka Menguntungkan Bangsa, Agama, Masyarakat & Negara Kita.

Segalanya Ini Hanya Akan Terlaksana Dengan Kerjasama Kita Semua Umat Islam. Kita Yang Menentukan Corak Kehidupan Yang Kita Mahukan. Firman Allah: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesebuah kaum hinggalah mereka mengubah diri mereka sendiri”

Ingatlah wahai bangsaku..seagamaku!

Kemunduran Orang-Orang Melayu Islam Dalam Bidang Ekonomi Sangat Menyedihkan. Semenjak Di Tahun Pertama Pihak Kerajaan Malaysia Telah Menggalakkan Dasar Ekonomi Baru Pada Tahun 1969, Hingga Ke Hari Ini 2012 Masih Belum Mencapai Sasaran Yang Dikehendaki. Sasaran Yang Dimahukan Tidak Banyak Hanya 30% Dari Jumlah Bilangan Masyarakat Malaysia. Namun, Betapa Naifnya Umat Islam Melayu Apabila Mereka Tidak Tergolong Dari Jumlah Yang Sedikit Itu!

Tidak Ketinggalan Juga Dasar Pelajaran Kebangsaan Yang Menjadi Agenda Untuk Memajukan Bangsa & Rakyat Malaysia, Namun, Umat Islam Masih Juga Jauh Tertinggal Di Belakang. Seharusnya Kita Mencabar Kemampuan Kita Untuk Terus Maju Mengatasi Cendekiawan-Cendekiawan Dunia Dalam Semua Bidang. Bahkan Sejarah Islam Membuktikan Bahawa Sebahagian Besar Pelopor & Pakar Matematik, Pelopor & Pakar Sains, Pelopor &

Pakar Perubatan & Seumpamanya Dirintis Oleh Umat Islam. Kini, Segalanya Hanya Tinggal Sejarah & Nama Semata-Mata. Ayuh Bangkitlah Umat Islam Bangsaku, Bersama-sama Memartabatkan Kembali Zaman Kegemilangan Islam Itu. Lakari Sejarah Baru Dunia Islam Dengan Ilmu & Peradaban. Hanya Dengannya Sahajalah Islam & Umatnya Akan Terjulang.

Mulai Detik Ini, Saat Ini, Kita Wajib Bangkit Bersama-Sama. Bukan Dengan Omongan Kosong. Sebaliknya Bangkit Dengan Wajah Baru & Semangat Baru Untuk Bersama-sama Menujah Ke Hadapan Tanpa Berundur Meskipun Setapak. Lakukanlah Ia Demi Bangsa Kita. Agama Kita. Masyarakat Kita & Negara Kita.

Kepada Ahli-Ahli Politik Islam. Meski Apapun Fahaman & Aliran Politik Kamu, Kami Yakin Tujuan Utama Kamu Semua Tiada Lain Hanya Untuk Memartabatkan Bangsa & Agama Kita. Lakukanlah Ia Dengan Ikhlas & Saksama. Janganlah Ada Diantara Kamu Yang Mengapi-apikan Sesama Kita Umat Islam Rakyat Malaysia Hingga Wujud Perselisihan Kerana Ketaksuban & Kepentingan Peribadi. Angkatlah & Martabatkan Serta Buktikanlah Kebenaran Slogan “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”. Perbezaan Diantara Kamu Semua Wajib Dijadikan Kekuatan Membina Minda & Peradaban Masyarakat Malaysia Khususnya Kita Yang Beragama Islam Sunni, Syiah & Salafi. Jangan Sekali-Kali Kamu Menjadikan Kita Mangsa Perbezaan Politik Kamu Semua. Kita Tidak Menyokong Mereka Yang Mahukan Perpecahan Umat Islam Di Malaysia. Sebaliknya Kita Menyokong Penuh Amanat Kerajaan Yang Mahukan Kami Bersatu! 1Malaysia.

Sekali Lagi Kita Seru Seluruh Umat Islam Di Malaysia. Muslim Sunni. Muslim Syiah & Muslim Salafi. Elakkanlah Perpecahan & Permusuhan Antara Kita. Para Ulama Mana-Mana Mazhab Tidak Pernah Berfatwa Agar Umat Islam Berpecah-Belah Hanya Kerana Perbezaan Pandangan & Pendapat. Biarkanlah Perbezaan Antara Kita Diselesaikan Oleh Para Ulama Di Meja Dialog Penuh Kasih Sayang **SEPERTI IJMAK AMMAN MESSAGE** Dan Manakala Kita Pengikut Mazhab, Menyokong Penuh Kebenaran Yang Muncul Dari Mana-Mana Pihak Tanpa Sikap Taksab & Fanatik. Hanya Allah Swt Yang Layak Menilai Kebenaran Itu & Diadili Di Akhirat Kelak. Yang Perlu, Hanyalah Keikhlasan Kita & Ibadah Kita Hanya Untuk Mendekatkan Diri KepadaNya Yang Maha Esa!

Semoga Allah Swt Menggemilangkan Ajaran Al-Quran & As-Sunnah Di Malaysia & Dunia. Serta Menjauhkan Kejahatan Gerakan Kafir-Mengkafir, Sesat-Menyesat & Bunuh-Membunuh Sesama Muslim (Khawarij - Nawasib - Tukfiri) Di Malaysia & Dunia. Mohon Juga Dijauhkan Dari Perasaan Saling Membenci Yang Menimbulkan Permusuhan Sesama Muslim. Seterusnya, Malaysia Menjadi Sebuah Negara Contoh Kcamaan & Kerukunan Di Serata Dunia.

Wahai Umat Islam!

Kini tidak ada masalah paling penting dalam kehidupan seorang muslim dan dunia Islam seperti masalah Palestin. Ini merupakan musibah terbesar yang menimpa setiap muslim dalam periode terakhir. Kenapa tidak. Musuh-musuh Islam menjadikan sebahagian dari rumah umat Islam sebagai tempat berlindung untuk memerangi barisan umat Islam. Membela perjuangan Islam Palestin hukumnya fardhu ain dan contoh paling jelas dari jihad difa'ie (membela diri) yang ditekankan oleh seluruh ahli fiqih Islam.

Setiap jengkal dari tanah Palestin sama seperti sejengkal rumah umat Islam dan setiap kekuasaan selain pemerintahan Islam dan rakyat muslim Palestin di sana adalah pemerintah penjajah. Di sini bukan masalah anti Yahudi, tetapi masalah rumah umat Islam yang terampas.

Sudah 60 tahun, umat Islam Palestin hidup di medan peperangan. Mereka berada di tengah-tengah kekejaman penjajah durjana Israel laknatullah. Mereka ditindas dan dizalimi tanpa simpati. Orang-orang tua mereka diusir keluar dari tanahair, lelaki mereka dikelar dan ditembak mati, wanita mereka diperkosa dan dibelah perutnya. Kanak-kanak mereka diletupkan, rumah kediaman mereka dibakar dan kampung halaman mereka dimusnahkan.

Yahudi mencabul Masjid al-Aqsa, meletupkan pejuang-pejuang Islam dan pemimpin mereka biarpun mereka sedang mendirikan solat tanpa senjata. Pemimpin dan ulama besar Palestin seperti Syeikh Izzudin al-Qassam, Syeikh Ahmad Yassin, Dr. Abdul Aziz ar-Rantisi dan lain-lain telah menemui syahid dihujung senjata Yahudi Laknatullah.

Para mujahid dan pemuda-pemuda Islam yang mahu hidup mereka merdeka, ditangkap dan dikurung puluhan tahun lamanya, dalam bilik kurungan yang sempit dan serba gelap.

Mereka diperlakukan laksana binatang, bahkan binatang lebih berhati perut berbanding Yahudi laknatullah.

Mari kita renungkan angka yang menyedihkan ini. Di saat ini sepertiga kanak-kanak Palestin dinafikan hak pendidikan, kurang dari 14% kanak-kanak Palestin yang dapat menghabiskan persekolahan di sekolah, kurang dari 9% tamat persekolahan diperingkat menengah. Kini 73% rakyat Palestin sedang menganggur.

Manakala jumlah rakyat Palestin yang hanya makan satu kali sehari ialah 46%. Seorang doktor terpaksa merawat 1,700 pesakit.

3 juta rakyat Palestin menjadi banduan di penjara terbesar di dunia apabila mereka dikepung oleh tentera Israel di Palestin dengan tembok sepanjang 720 km dan 8-12 meter tinggi. Lebih 11,000 rakyat Palestin dipenjarakan di Israel. Ada yang dipenjarakan sehingga 30 tahun.

Puluhan lokasi pemeriksaan yang didirikan oleh tentera Israel telah meningkatkan penderitaan rakyat Palestin. Ini termasuk wanita Palestin yang melahirkan anak di stesen pemeriksaan Israel kerana disoal-siat sehingga mereka yang sarat hamil melahirkan anak di tempat pemeriksaan tersebut. Ada juga laporan pesakit dalam ambulans akhirnya mati dalam ambulans kerana disekat oleh tentera Israel atas nama pemeriksaan rapi.

Keadaan hidup rakyat Palestin sangat menyedihkan. Ada yang terpaksa hidup dalam kem pelarian yang tiada bekalan air bersih, tiada ubatan, tiada makanan dan bekalan yang sempurna.

Mereka hidup dalam keadaan yang sangat tertekan dan terus menderita. Sudah puluhan tahun mereka tidak diberi hak untuk pulang ke tanahair Palestin. Sehingga kini 8,250 buah rumah rakyat Palestin dihancurkan dan mereka dihalau keluar dari tanah air mereka sendiri. Sebanyak 18,031 rumah hancur sama sekali di Tebing Barat dan Gaza.

Demikian kezaliman dan kekejaman Israel. Tepat seperti yang digambarkan dalam Firman Allah Swt:

"Nescaya kamu akan dapati, manusia yang sangat tinggi kadar permusuhan mereka terhadap orang-orang yang beriman ialah Yahudi dan orang-orang yang menyekutukan Allah (Musyrikin)" [Al-Maidah: 82]



Wahai Umat Islam!

Mensyukuri nikmat ilahi wajib ditunjukkan oleh umat Islam dari berbagai penjuru dunia dengan mendukung bangsa Palestin yang berjuang atas nama Islam secara luas dalam segala bidang seperti politik, media dan ketenteraan.

Bersahabat dengan mereka yang mendukung secara mutlak perampas tanah Palestin bertentangan dengan sikap permusuhan terhadap Rezim Zionis. Siapa saja yang memberikan bantuan kepada orang-orang Zionis dan Israel atau melakukan perundingan dengan mereka bererti berada di pihak Israel. Berjuang untuk mengembalikan tanah air Palestin perlu kepada makna dan tujuan hakiki. Memperjuangkan Palestin adalah perjuangan yang hakiki, sementara perdamaian adalah sebuah pengkhianatan.

Seluruh cendekiawan, penulis, seniman dan mereka yang berkecimpung di media dunia Islam harus melihat masalah Palestin dengan pandangan kewajiban. Kini mereka harus menyedarkan dunia akan penindasan luar biasa yang dialami rakyat Palestin. Kempen kesedaran ini harus dilakukan dengan segala bentuk seni.



Kepekaan umat Islam terhadap isu Palestin bukan sahaja berkaitan dengan penderitaan rakyat Palestin bahkan kepekaan umat didorong oleh suatu hakikat yang jauh lebih besar iaitu kedudukan Baitul Maqdis sebagai tanah suci dan Masjid al-Aqsa, masjid yang ketiga paling mulia dalam Islam kini sedang terkepung dan terjajah oleh musuh-musuh Zionis.

Pada 21 Ogos ini genaplah 42 tahun Masjid al-Aqsa dibakar. Tarikh tersebut telah diwartakan sebagai hari al-Aqsa oleh kerajaan Malaysia sebagai mengingatkan umat Islam bahawa isu Palestin adalah isu yang berkait langsung dengan masa depan Masjid al-Aqsa.

Hari al-Aqsa atau disebut Hari al-Quds merujuk kepada peristiwa Masjid al Aqsa dibakar oleh seorang pelampau Yahudi. Pembakaran ini menyebabkan kemusnahan yang besar kepada Masjid al-Aqsa. Perbuatan biadap tersebut adalah sebahagian dari strategi untuk merobohkan Masjid al-Aqsa dan merampas tapak masjid untuk mendirikan rumah ibadat orang Yahudi (Haikal Sulaiman). Perbuatan jahat ini adalah satu konspirasi yang dirancang oleh ketua-ketua Yahudi yang bersekongkol dengan regim zionis untuk memusnahkan Masjid al Aqsa. Penduduk Arab dibiarkan untuk memadamkan api dengan hanya menimba air tanpa bantuan dari perkhidmatan bomba. Orang Yahudi yang membakar al Aqsa ditangkap tetapi diputuskan sebagai tidak siuman oleh mahkamah zionis. Hakikatnya laporan akhbar Israel mendakwa sebuah kuil Yahudi akan didirikan di tapak Masjid al-Aqsa tiga hari sebelum kejadian.

Pada hari ini, tika ini dan waktu ini umat Islam wajib bangkit bersatu dan berpadu mempertahankan hak umat Islam. Persaudaraan mereka yang diikatkan oleh akidah yang sama wajib sedar bahawa hanya dengan Kesatuan & Perpaduan mampu untuk meruntuhkan kezaliman dan keegoan kaum Imprealis - Israel - Zionis - Amerika.

Hari al-Quds adalah hari sedunia. Hari al-Quds Sedunia sebenarnya tidak khusus untuk al-Quds. Akan tetapi Hari al-Quds Sedunia merupakan hari perlawanan kaum tertindas menghadapi kekuatan angkuh. Hari al-Quds Sedunia merupakan hari perlawanan bangsa-bangsa yang hidup di bawah tekanan kezaliman Amerika dan bukan Amerika dalam menghadapi para kekuatan kuasa besar. Hari al-Quds Sedunia merupakan hari ketika kaum tertindas wajib dipersejatai melawan kekuatan kuasa besar. Hari al-Quds Sedunia adalah hari ketika wajah kekuatan kuasa besar wajib tersungkur mencium tanah!

Hari al-Quds Sedunia merupakan hari yang memisahkan sang munafik dari harisan pencinta keadilan yang sebenar. Para pencinta keadilan akan melaksanakan sesuatu sesuai dengan kewajipan yang ada di bahu mereka. Sementara sang munafik, akan bersikap acuh tak acuh, atau bahkan mencegah para pencinta keadilan untuk turun ke jalan-jalan melakukan aksi tunjuk perasaan pada Hari al-Quds Sedunia.

Hari al-Quds Sedunia adalah hari penjelas masa depan bangsa-bangsa tertindas. Bangsa-bangsa tertindas perlu menyatakan keberadaannya pada Hari al-Quds Sedunia dalam menghadapi kekuatan kuasa besar.

Hari al-Quds Sedunia merupakan hari ketika kita semua perlu lebih berusaha keras demi menyelamatkan al-Quds. Kita perlu menyelamatkan para saudara kita di Palestin daripada segala bentuk tekanan ini.

Hari al-Quds Sedunia merupakan hari ketika kita membebaskan seluruh bangsa tertindas dari belenggu kekuatan angkuh. Hari al-Quds Sedunia adalah hari ketika masyarakat Muslim menyatakan kewujudannya dan mengeluarkan peringatan kepada para kekuatan kuasa besar.

Hari al-Quds Sedunia adalah hari ketika kita memperingatkan para cendekiawan yang mempunyai hubungan di balik tabir dengan Amerika dan anasir-anasir Amerika. Beri mereka peringatan bahawa jika mereka tidak menghentikan sikap campur tangan, maka mereka akan ditumpaskan! Hari al-Quds

Sedunia adalah hari ketika seluruh kekuatan kuasa besar perlu diperingatkan agar tetap berada di tempatnya dan tidak menekan dan menzalimi bangsa-bangsa tertindas.

Zionis Israel adalah musuh kemanusiaan. Israel adalah musuh manusia. Setiap hari mereka mencipta masalah dan membantai saudara-saudara kita di Palestin. Zionis Israel harus tahu bahawa mereka sudah tidak diterima di dunia ini. Mereka harus menghentikan ketamakan mereka. Tangan mereka harus diputuskan daripada seluruh bangsa. Para anasir mereka juga harus dipinggirkan daripada seluruh bangsa.

Hari Al-Quds Sedunia merupakan hari untuk mengungkapkan pernyataan seperti ini. Pada Hari Al-Quds Sedunia, harus dinyatakan kepada para syaitan yang menginginkan agar bangsa Muslim menjadi rosak, bahawa segala harapan dan masa mereka telah berlalu.

Hari Al-Quds Sedunia merupakan hari untuk mengungkapkan pernyataan seperti ini. Pada Hari Al-Quds Sedunia, harus dinyatakan kepada para syaitan yang menginginkan agar bangsa Muslim menjadi rosak, bahawa segala harapan dan masa mereka telah berlalu.

Hari Al-Quds Sedunia tidak terbatas pada Palestin. Hari Al-Quds Sedunia merupakan hari kedaulatan dan pemerintahan kaum beriman. Hari ketika kita mengibarkan bendera keadilan di seluruh dunia. Hari ketika para kekuatan kuasa-kuasa besar harus memahami bahawa mereka sudah tidak lagi memiliki kemampuan untuk memporak-perandakan dunia.

Hari Al-Quds Sedunia merupakan hari kebesaran Islam dan hari Rasulullah Saw. Hari ketika kita harus mempersenjatai diri dengan segala kemampuan yang ada. Kita harus mengeluarkan umat Islam dari keadaannya yang terencil dan dengan segenap kekuatan yang ada menghadapi kekuatan-kekuatan asing. Kita harus berdiri kukuh menghadapi kekuatan-kekuatan asing. Jangan kita biarkan ada pihak asing yang mencampuri urusan umat kita. Umat Islam tidak boleh mengizinkan ada pihak asing yang campur tangan dalam urusan negerinya.

